
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JMK 416 – Kajian Perbandingan Genre Kesusasteraan Terpilih

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Inspirasi Haiku Jepun (*Haiku* Inspiration) ialah susunan indah tentang tempat, manusia, budaya, perayaan dan alam dengan putaran musimnya. Berdasarkan kenyataan berkenaan, analisis makna yang dapat ditanggapi dalam Haiku oleh Naito Joso dan Buson seperti berikut:

*Under the rock
Where I sit, legs folded,
A histeria blossoms*

(Naito Joso dalam *Haiku
Inspirations*, Tom Lowenstein With
Victoria James : 31)

*Hazy morning:
as in a painting of a dream
the people passing.*

(Naito Joso dalam *Haiku
Inspirations*, Tom Lowenstein With
Victoria James : 80)

(25 markah)

2. Falsafah Abadi terangkum dalam puisi-puisi sufistik. Falsafah ini ditunjangi fahaman Wahdatul Wujud. Pilih dan bincangkan 4 daripada 5 stanza puisi Hamzah Fansuri yang diberikan. (Lihat Lampiran).

(25 markah)

3. Teks *Sejarah Melayu* merupakan Warisan Dunia yang sangat bermakna dalam memahami masyarakat dan kebudayaan bangsa Melayu. Bincangkan.

(25 markah)

4. *Dewi Putih* karya Ren Shao Tzeng dinukilkan pada abad ke-17 dan merupakan Lagenda China yang terkenal. Teks ini antara lain memaparkan isu kepercayaan agama, cara hidup dan dunia kayangan. Berdasarkan kenyataan tersebut, rangkumkan perbincangan anda daripada perspektif Daoisme.

(25 markah)

5. Pantun Melayu merupakan genre kesusasteraan yang amat indah dan berupaya menggambarkan Alam Melayu. Bincangkan.

(25 markah)

6. Kesusasteraan Bandingan merupakan disiplin ilmu yang sangat luas cakupannya. Pada pendapat anda sejauhmanakah disiplin ini telah dimanfaatkan dalam perkembangan kesusasteraan di Malaysia.

(25 markah)

...3/-

Lampiran

Tuhan kita yang bernama Qadim
Pada sekalian makhluk terlalu *karim*
Tanda-Nya qadir lagi dan hakim
Menjadikan alam daripada Ar-Rahman Ar-Rahim

Rahman itulah yang bernama sifat
Tiada bercerai dengan kunhi Dzat
Dzat di sana perhimpunan sekalian ibarat
Itulah haqiqat yang bernama *ma'lumat*

Rahman itulah yang bernama wujud
Keadaan Tuhan yang sedai *ma'bud*
Kenyataan Islam Nasrani dan Yahud
Dari Rahman itulah sekalian maujud

Ma'bud itulah terlau *bayan*
Pada kedua alam *kulla yawmin huwa fi syan*
Ayat ini daripada surat Ar-Rahman
Sekalian alam di sana hairan

Ma'bud itulah yang bernama *haqiq*
Sekalian alam di dalamnya *qhariq*
Olehnya itulah sekalian *fariq*
Pada kunhinya itu tiada beroleh *thariq*

(Hamzah Fansuri Risalah Tasawuf dan Puisi-
puisinya Abdul Hadi W.M. 1995 : 113)

***Nota**

karim – mulia
mabud – Tuhan yang wajib di sembah
bayan – penjelasan
haqiq – nyata
qhariq – terbenam
fariq – golongan
thariq - jalan